

30/07/1998

Gawat tidak jejas hubungan Selatan

Mahfar Ali in Maputo (Mozambique)

MAPUTO (Mozambique), Rabu - Kegawatan ekonomi yang dihadapi negara membangun sekarang tidak seharusnya menghalang kerjasama Selatan-Selatan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita tidak berputus asa. Kita merasakan masih perlu mengadakan kerjasama dengan negara Selatan.

"Mungkin tidak banyak yang dapat dilakukan dalam keadaan sekarang, tetapi kita akan terus mencari hari di mana kita sekali lagi dapat bekerjasama dan melabur di luar negara," kata Perdana Menteri pada majlis jamuan negara yang diberikan Presiden Mozambique, Joaquim Alberto Chissano di sini, malam ini.

Dr Mahathir yang tiba di sini selepas menghadiri Dialog Antarabangsa Afrika Selatan (Said) '98 berkata, lawatan tiga harinya ke sini juga menjadi manifestasi kesanggupan Malaysia untuk meneruskan kerjasama dengan Mozambique, sama ada dalam keadaan senang atau susah.

"Ini juga menjelaskan mengapa ramai delegasi sektor swasta mengiringi lawatan saya, di sebalik kesulitan yang dihadapi mereka di tanah air.

"Mereka mahu keluar daripada krisis ini dan membuat persiapan untuk kembali menyertai program pembangunan rantau ini," katanya.

Perdana Menteri berharap negara membangun memberi ruang yang cukup luas untuk sektor swasta berinteraksi dalam usaha meningkatkan hubungan kerjasama Selatan-Selatan.

Dalam hubungan ini, katanya, negara membangun mestilah mengetepikan segala halangan yang boleh menyekat interaksi sektor swasta.

"Ini penting kerana projek tidak akan dapat dimulakan jika undang-undang, peraturan dan dasar tidak jelas. Semua ini perlu diteliti sekiranya negara membangun hendak mewujudkan kerjasama Selatan-Selatan secara lebih efektif," katanya.

Dr Mahathir diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie; serta sekumpulan ahli perniagaan.

Perdana Menteri berkata, Barat menemui senjata baru untuk menekan negara membangun, malah sesetengah negara di Asia Timur sudah tunduk terhadap tekanan yang tidak dapat dielakkan.

"Proses itu kalau pun bukan untuk memusnahkan, telah memiskinkan negara membangun dan juga secara mudah menggalakkan kerjasama Selatan-Selatan," katanya.

Dengan hanya menurunkan nilai mata wang, negara membangun boleh dipaksa tunduk terhadap kuasa Barat dan ini samalah seperti mereka dijajah dan ditakluki dahulu.

"Ini jelas menunjukkan negara kaya tidak senang melihat pembangunan dan kemakmuran di negara Selatan dan kerjasama Selatan-Selatan," katanya sambil memberi contoh Malaysia misalnya, yang sebelum ini menikmati pertumbuhan ekonomi lapan peratus setahun, kini menguncup 1.8 peratus manakala nilai mata wang menurun kira-kira 70 peratus.

Keadaan itu menyebabkan sektor swasta Malaysia terpaksa membatalkan pelaburan di luar negara supaya modal itu dapat digunakan di dalam negara. Banyak syarikat Malaysia yang sebelum ini berminat menyumbang proses pemulihan di Mozambique, terpaksa menarik diri.

Dr Mahathir bagaimanapun gembira kerana Kerajaan Mozambique memberi ruang yang cukup luas untuk sektor swasta Malaysia membuat pelaburan di negara itu.

Berikutan itu, beliau yakin kerjasama sektor swasta kedua-dua negara yang terhenti untuk sementara waktu ini, akan disambung semula.

Menurut Dr Mahathir, pertemuannya dengan Chissano petang ini turut menguatkan lagi keyakinannya bahawa sektor swasta kedua-dua negara masih boleh melakukan sesuatu secara bersama.

Pada masa ini, katanya, sebuah bank usaha sama kedua-dua negara sudahpun diwujudkan manakala Petronas - syarikat minyak Malaysia, juga berminat melabur di Mozambique.

"Kedua-dua pelaburan ini akan menjadi pemangkin untuk meningkatkan lagi kerjasama perniagaan kedua-dua negara," katanya.

Sambil mengakui kedua-dua negara kini dalam proses pemulihan di Mozambique akibat kesan peperangan manakala Malaysia disebabkan serangan ekonomi yang tidak disangka, Dr Mahathir berkata:

"Kita mungkin jatuh sementara, tetapi kita belum tentu kalah. Malah, dengan bekerjasama, negara lemah pun boleh menjadi kuat.

"Malaysia dan Mozambique tentunya bukan negara paling lemah di dunia dan saya percaya ekonomi kedua-dua negara akan pulih dan menjadi lebih kuat menerusi persahabatan dan kerjasama serta kesabaran dan perpaduan.

(END)